

29 DEC 2002

Sakaran-Mahathir (Bergambar)

DR MAHATHIR ANUGERAH TUHAN KEPADA NEGARA, KATA SAKARAN

Oleh: Azman Ujang

KOTA KINABALU, 29 Dis (Bernama) -- Tun Sakaran Dandai yang akan tamat penggalnya sebagai Yang Dipertua Negeri Sabah Selasa ini, menyifatkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai pemimpin yang dianugerahkan Tuhan kepada negara.

Beliau berkata Dr Mahathir merupakan seorang pemimpin yang berwawasan dan berpandangan jauh dan ini terbukti dengan kejayaannya mencapai kestabilan politik di Sabah yang membawa kepada perpaduan rakyat negeri ini seperti yang dinikmati sekarang.

"Saya ingat Dr Mahathir pemimpin kita yang Tuhan anugerahkan kepada negara kita. Kita lihat wawasan Dr Mahathir ini jauh. Kita lihat dalam keadaan di Sabah misalnya, bagaimana menyatukan rakyat bukan senang kalau tiada pandangan jauh," katanya dalam temuramah khas dengan Bernama di kediaman peribadinya di Likas di sini.

Sakaran berkata sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah yang diperkenalkan oleh Dr Mahathir mulai 1994 adalah satu bentuk pandangan jauh perdana menteri kerana ini mencetuskan kestabilan politik di negeri yang sebelum ini dilanda kemelut politik di kalangan pelbagai parti.

Pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional negeri dilantik sebagai Ketua Menteri untuk satu penggal dua tahun dan Sakaran sendiri merupakan Ketua Menteri pertama di bawah di sistem penggiliran itu.

Sakaran, 72, bagaimanapun memegang jawatan Ketua Menteri hanya lapan bulan sahaja kerana dilantik pula sebagai Yang Dipertua Negeri genap lapan tahun lalu.

Katanya mengikut perlembagaan negeri, pemimpin parti yang memenangi kerusi terbanyak dalam Dewan Undangan Negeri dilantik sebagai Ketua Menteri dan ini telah dilaksanakan di masa lalu.

"(Pemimpin) parti yang menang jadi Ketua Menteri. Tapi bila dia jadi Ketua Menteri, dia bangunkan tempat dia dan lain-lain tertinggal.

Ini

menjadikan nampak sesetengah tempat di Sabah tertinggal.

"Dr Mahathir memang melihat ini semua dan inilah pandangan jauh beliau, bagaimana beliau dapat melahirkan satu sistem penggiliran Ketua Menteri ini," katanya.

Tokoh politik veteran yang turut berjuang untuk mencapai kemerdekaan Sabah menerusi persekutuan Malaysia pada awal 1960'an itu berkata, di samping mewujudkan kestabilan politik, sistem penggiliran itu memberi keadilan kepada setiap kaum di negeri ini.

Sakaran yakin bahawa sistem itu juga dapat mengurangkan politiking di Sabah yang sebelum ini keadaan politiknya kerap bergelora.

"Kestabilan politik ada, keadilan ada untuk semua kaum, jadi setiap kaum itu merasakan mereka diberi peluang, tidak dianaktirikan, tiada penindasan.

"Dan setiap kaum itu apabila diberi peluang pemimpinnya menjadi Ketua Menteri, dia sokong dia punya orang di samping menolong orang lain. Mungkin dari giliran inilah maka dapat kukuhkan perpaduan, mengurangkan berpolitik dan semua pemimpin dapat tumpukan tenaga untuk membawa pembangunan rakyat," jelas beliau.

Beliau juga ditanya mengenai tanggapan bahawa seseorang yang dilantik menjadi Ketua Menteri itu mempunyai terlalu banyak kuasa dan kuasa itu mudah disalahgunakan.

Katanya: "Keadaan-keadaan ini memang banyak berlaku dan tidak berlaku. Dari semasa ke semasa, siapa yang menjadi Ketua Menteri, maka kadang-kadang terlalu banyak rancangan. Jadi permohonan dari semua ini yang menjadikan kita mencari jalan bagaimana melayan mereka. Dari merekalah kita dapat kuasa dan kerana sokongan mereka."

"Jadi untuk membalas budi, kita berusaha mencari jalan untuk menolong mereka dan memang ini pesan Dr Mahathir apabila memegang tampuk pemerintahan, jalankan dengan sebaik mungkin sebagaimana kita sudah berjanji untuk menjalankan tugas sebaiknya."

Bagaimanapun, beliau berkata "kelemahan" sistem itu ialah dalam tempoh dua tahun, seseorang Ketua Menteri hanya sempat merancang sesuatu

dan
kemudian diganti pula oleh orang lain.

Sakaran juga berkata, satu lagi pandangan jauh Dr Mahathir ialah menjadikan satu kenyataan pada 1991 gagasan untuk membawa Umno ke Sabah kerana perdana menteri mahu rakyat Sabah bersatu padu dan dimajukan supaya mereka juga menikmati pembangunan seperti di negeri-negeri lain.

"Sewaktu baru merdeka kita bersatu dalam kerajaan Perikatan tetapi akhirnya berpecah, lahirkan Parti Berjaya dan Parti Bersatu Sabah (PBS). Sudah teruji semua parti ini oleh rakyat dan pemimpin kita. Jadi nampaknya Sabah di dalam perpecahan, itu bertambah merugikan rakyat kerana sukar bawa pembangunan. Kita bersyukur pandangan Dr Mahathir untuk membawa Umno ke Sabah," katanya.

Katanya dengan sokongan daripada para pemimpin di peringkat pusat, rakyat Sabah dapat bersatu padu dan pemimpin Usno (yang dibubarkan dengan kemasukan Umno), Berjaya dan PBS menyertai Umno.

Sakaran juga berkata keadaan keselamatan di Sabah kini amat baik berbanding sebelumnya berkat keprihatinan kerajaan pusat.

"Kita lihat kalau dulu di Pantai Timur Sabah selalu diganggu perompak dan lanun. Kerajaan pusat mengambil berat tentang keselamatan di Sabah dan polis, tentera dan kemudahan untuk kawalan cukup baik sehingga kita lihat keamanan.

"Nelayan tidak lagi takut kepada buruan lanun ini. Begitu juga kemasukan pendatang juga dicegah. Keamanan di Sabah juga satu tarikan kepada pelabur dan pelancong kerana rakyat yakin negeri kita selamat, makmur di samping budaya hormat-menghormati, bersatu padu dan toleransi. Ini amat penting," katanya.

Mengenai perancangan masa depannya, Sakaran berkata beliau menggunakan segala pengalaman sepanjang 54 tahun berkhidmat dalam pelbagai jawatan, termasuk sebagai menteri kabinet kerajaan pusat, untuk membantu dalam pembangunan Islam di samping menghabiskan sisa-sisa usianya untuk beribadat.

"Saya juga melihat anak-anak dan cucu-cucu bagaimana dapat meningkatkan lagi pencapaian mereka dalam ilmu. Saya juga akan bekerja dengan

rakan-rakan dalam soal kebajikan," katanya.

-- BERNAMA

AU AU RON